

**KERTAS KEPUTUSAN MESYUARAT SEBUT HARGA B BIL 14/2021
27 OGOS 2021**

Bil	Perkhidmatan	Nilai Perkhidmatan (RM)	Pembekal yang Berjaya
1	<u>Kertas 42/2021</u> Pelantikan Pembekal Bagi Pembangunan Direktori Pelancongan Negeri Kelantan (23 Ogos – 23 Nov 2021) PIC: Nik Nazarina Nek Muhammad	40,000.00 (tidak termasuk 6% SST)	TAMU ASIA DOT COM VENTURES (LULUS)
2.	<u>Kertas Makluman (KM16/2021)</u> Tawaran Penyediaan Kerja-Kerja Latihan Atas Talian Untuk Program Enhancing Capabilities of Machine And Equipment Manufacturers Towards Smart Machinery • Kelulusan Mesyuarat Sebut Harga B Bil. 12/2021 (30 Julai 2021) kepada Etronix Sdn. Bhd. untuk tempoh lantikan dari 16 sehingga 27 Ogos 2021. Walaubagaimanapun, PIC memohon untuk:- i. Penjadualan semula tarikh pelaksanaan kepada 13 hingga 24 September 2021 kerana tempoh kelulusan dengan tarikh pelaksanaan tidak mencukupi untuk aktiviti promosi bagi mendapatkan penyertaan sebanyak 20 syarikat. ii. Mengasingkan bayaran bagi khidmat latihan dan kit latihan untuk memudahkan pengisian eRO kerana nilai 6% SST di dalam sebut harga pembekal adalah untuk khidmat latihan atas talian sahaja manakala 6% SST bagi kit latihan telah diambil kira. Ulasan Ahli Mesyuarat:- Mesyuarat mengambil maklum dengan penjadualan semula tarikh program dan permohonan pengasingan bayaran tersebut. Walau bagaimanapun, pegawai perlu pastikan pemilihan peserta adalah kepada syarikat Mesin dan Peralatan (M&E) sahaja seperti ditetapkan sebelum ini. PIC: Abdul Rahman Kamis		

Bil	Perkhidmatan	Nilai Perkhidmatan (RM)	Pembekal yang Berjaya
3.	<u>Kertas Makluman (KM17/2021)</u> Perkhidmatan Tenaga Pengajar Dan Fasilitator Bagi Projek Pelaksanaan Sistem Insentif Berdasarkan Komponen Produktiviti Dan Prestasi • Kelulusan Mesyuarat Sebut Harga B Bil. 12/2021 (30 Julai 2021) kepada Top Foresight Sdn. Bhd. sehingga akhir Ogos 2021. • Namun demikian, atas faktor arahan kerajaan melanjutkan tempoh PKP menyebabkan syarikat tidak dapat beroperasi sepenuhnya serta sumber carian yang sangat terhad semasa tempoh tersebut, pembekal telah memohon untuk menangguhkan masa projek sehingga pada minggu kedua pada bulan September 2021 (selewat-lewatnya 17 September 2021). Ulasan Ahli Mesyuarat:- Mesyuarat bersetuju dengan penundaan tarikh program tersebut. Walau bagaimanapun, pegawai perlu pastikan laporan yang diberikan memenuhi spesifikasi yang diperlukan. Dokumen pembayaran perlu diserahkan sebelum 30 September 2021. PIC: Siti Sakinah Mohd Zaki		
4.	<u>Kertas Makluman (KM18/2021)</u> Perkhidmatan Membekalkan Platform Garis Panduan Pelesenan Perniagaan Selama Setahun (Oktober 2021 – September 2022) • Kelulusan Bersyarat Mesyuarat Sebut Harga B Bil. 13/2021 (13 Ogos 2021) kepada Otto Solutions dan PIC perlu menyediakan kelulusan BOM spesifik bagi perkhidmatan ini. • Kelulusan BOM telah diperolehi pada 24 Ogos 2021 melalui Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengurusan MPC Bil. 939/2021. Ulasan Ahli Mesyuarat:- Mesyuarat mengambil maklum dengan kelulusan BOM tersebut. PIC: Mohd. Hilmi Mohd. Idris		

Keputusan mesyuarat telah dipersetujui oleh:

()
Mohd Yazid Abdul Majid
Pengerusi

()
Saliza Saari
Ahli

()
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Ahli